

14 JUL 2001

Mahathir-Pornografi

BAHAN PORNOGRAFI KINI DIPEROLEHI KANAK-KANAR TADIKA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang dengan pengedaran bahan pornografi yang kini berleluasa di Malaysia sehinggakan kanak-kanak peringkat tadika sendiri mendapat bahan-bahan itu.

Perdana Menteri hari ini berkata beliau diberitahu oleh cucunya sendiri mengenai bahan-bahan seumpama itu yang boleh didapati di tadika.

"Remaja (umpamanya) amat terpengaruh dengan pornografi kerana ia masih lagi misteri (kepada mereka) mungkin... emosi mereka tercuit sehingga mereka lakukan benda-benda yang tak baik," katanya sewaktu berucap pada sesi ketiga majlis Dialog Belanjawan 2002 di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan sebelum itu meminta masyarakat bersama berganding usaha mengutuk dan menghindari berlakunya peristiwa yang mengejutkan masyarakat sejak kebelakangan ini terutama kes rogol, buang bayi dan penderaan.

"Lebih membimbangkan, peristiwa-peristiwa tersebut menjadi lebih kejam. Tidak cukup dengan merompak wang atau harta, malahan kecederaan dan pembunuhan berlaku," katanya.

Perdana Menteri berkata peristiwa seumpama itu menunjukkan ada di kalangan masyarakat yang senang dipengaruhi oleh nilai-nilai negatif yang meruntuhkan akhlak dan sifat kemanusiaan.

Dr Mahathir juga meminta masyarakat supaya mempertahankan institusi kekeluargaan dan tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga kerana semata-mata mengejar kemajuan.

Pengabaian tanggungjawab kekeluargaan, katanya, akan hanya melahirkan anggota masyarakat yang memegang nilai-nilai yang menyimpang daripada norma-norma nilai masyarakat sihat dan progresif.

"Institusi keluarga membentuk masyarakat yang berakhlak tinggi dan menghayati nilai-nilai murni kemasyarakatan," katanya.

Beliau turut meminta rakyat berbilang kaum di negara ini terus memupuk perpaduan supaya akhirnya menjadi satu budaya masyarakat Malaysia.

"Ini akan memastikan tidak timbul lagi insiden-insiden seperti di Kampung Medan," katanya. Beberapa insiden yang membabitkan dua kumpulan penduduk kampung itu dan kawasan sekitarnya Mac lepas telah menyebabkan enam orang terbunuh dan berpuluh-puluh lagi cedera.

-- BERNAMA

AFY MAM RON